



SIARAN AKHBAR

PERASMIAN HAB PMKS SABAH: PERMUDAH AKSES MAKLUMAT KEUSAHAWANAN



YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (tengah), menerima replika bangunan daripada YBhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Bernard Giluk Dompok, Pengerusi SME Corp. Malaysia (kiri) selepas merasmikan Pejabat Baharu SME Corp. Malaysia dan Hab PMKS Sabah serta melancarkan Program BEEP Plus tahun 2025 di Donggongon Square, Penampang, Sabah. Turut kelihatan ialah YBrs. Encik Rizal bin Dato' Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia (dua dari kanan), YBrs. Puan Moira David, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan Negeri Sabah (kanan sekali) dan YBrs. Encik Francis Chong, Presiden Majlis Daerah Penampang (belakang).

PENAMPANG, 3 Mei 2025 – YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah merasmikan Pejabat Baharu SME Corp. Malaysia dan Hab Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) Sabah serta melancarkan Program BEEP Plus tahun 2025 di Donggongon Square, Penampang hari ini. Melalui Hab PMKS, orang ramai terutamanya PMKS Sabah boleh mengakses maklumat terkini berkaitan keusahawanan dan perniagaan secara fizikal dengan lebih mudah.

Hab PMKS ini merupakan pusat maklumat sehati bagi PMKS untuk memperoleh pengetahuan mengenai perniagaan, mempelajari amalan terbaik perniagaan serta

mendapatkan maklumat penting mengenai permulaan perniagaan, akses kepada pasaran, pembangunan modal insan, sumber kewangan, perkembangan terkini industri dan pelbagai aspek perniagaan yang lain.

Hab ini menyediakan kaunter informasi, kiosk maklumat dengan akses internet, dewan bagi taklimat dan kursus keusahawanan serta ruang untuk PMKS mempamerkan produk dan perkhidmatan. Dengan keluasan keseluruhan 4,500 kaki persegi dan lokasi strategik di Donggongan Square, Hab PMKS Sabah menawarkan akses mudah kepada pengangkutan awam selain turut berhampiran dengan agensi lain seperti Bank Rakyat dan Tekun Nasional.

Manakala, Program Peningkatan Enterpris Bumiputera (BEEP) Plus yang diteruskan pelaksanaannya pada tahun ini merupakan program khusus untuk perusahaan mikro di Sabah dan Sarawak terutamanya Bumiputera asal. BEEP Plus menawarkan bantuan geran padanan sehingga 70 peratus kos projek atau sehingga maksimum RM250,000 bagi perbelanjaan seperti penambahbaikan pembungkusan produk, perolehan mesin dan peralatan, penerapan ICT & eDagang, sewaan dan pengubahsuaian premis perniagaan serta pelaksanaan aktiviti promosi untuk meningkatkan jualan dan penjenamaan.

YB Datuk Ewon Benedick dalam ucapannya menyatakan, “Hab PMKS yang saya ilhamkan ini, dibangunkan khusus untuk menyediakan kemudahan kepada komuniti perniagaan dan bakal usahawan Sabah, terutamanya di daerah Penampang. Hab ini akan menjadi pusat sehati kepada PMKS untuk mendapatkan khidmat nasihat daripada kaunselor perniagaan dan maklumat mengenai program-program keusahawanan yang ditawarkan Kerajaan. Pada tahun 2024, sebanyak 10,035 PMKS telah mengunjungi Hab PMKS SME Corp. Malaysia secara fizikal, manakala 2,607 PMKS telah mengunjungi Hab PMKS sepanjang Januari hingga Mac 2025”.

Sementara itu, YBhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Bernard Giluk Dompok, Pengerusi SME Corp. Malaysia semasa ucapan aluannya pula, berkongsi tentang sejarah Pejabat SME Corp. Malaysia Sabah sejak penubuhannya pada tahun 2007 bermula dari Asia City Kota Kinabalu dan kemudiannya berpindah ke Bangunan KWSP Kota Kinabalu. Kini, dengan lokasi baharu di Donggongan Square, Penampang, PMKS Sabah didedahkan lebih dekat dengan akses pasaran dan peluang pembangunan

yang lebih besar, sejajar dengan kepentingan Pan Borneo sebagai nadi kepada jaringan ekonomi dan perniagaan antara daerah.

YBrs. Encik Rizal bin Dato' Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia dalam majlis yang sama berkata, "PMKS kekal menjadi tulang belakang ekonomi negara, merangkumi 96.9% atau 1.1 juta daripada jumlah perniagaan di Malaysia. Sebagai entiti terbesar dalam pertubuhan perniagaan, sumbangan PMKS kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), eksport, guna tenaga dan produktiviti seharusnya dipertingkatkan. SME Corp. Malaysia terus komited menggiatkan usaha untuk memperkasa PMKS termasuklah dengan menambah baik akses kepada maklumat untuk PMKS seperti melalui inisiatif Hab PMKS ini".

Dalam majlis yang sama, YB Datuk Ewon Benedick juga telah menyampaikan cek cura (*mock-cheque*) berjumlah RM841,099.97 kepada 15 penerima bantuan Program Peningkatan Enterpris Bumiputera (BEEP) di Sabah serta Anugerah Peserta Terbaik dan Rancangan Perniagaan Terbaik Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) 11 bagi Negeri Sabah.

Hadir sama semasa Majlis Ramah Mesra Bersama Penerima BEEP Sempena Perasmian Hab PMKS Sabah dan Pelancaran BEEP Plus 2025 adalah YBrs. Puan Moira David, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan Negeri Sabah (MIDE), YBrs. Encik Francis Chong, Presiden Majlis Daerah Penampang dan YBrs. Encik Rizal bin Dato' Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia.

SME Corp. Malaysia menjemput dan mengalu-alukan kehadiran PMKS Sabah, terutamanya di Penampang ke pejabat baharu SME Corp. Malaysia dan Hab PMKS Sabah bagi mendapatkan maklumat lanjut berkenaan program-program untuk PMKS yang disediakan Kerajaan. Orang ramai dan PMKS Sabah khususnya boleh mendapatkan khidmat nasihat perniagaan dan keusahawanan di Hab PMKS Sabah seperti berikut:

SME Corp. Malaysia (Sabah) dan Hab PMKS
Ground Floor, 1st Floor & 2nd Floor
Lot 16, Blok B, Donggongon Square
89507 Penampang
Sabah

Waktu Operasi: Isnin hingga Jumaat (8.00 pagi - 5.00 petang)

– TAMAT –

Tentang SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). SME Corp. Malaysia juga menyelaras program pembangunan PMKS di Malaysia, menjalankan penilaian ekonomi dan pengakreditasian PMKS, serta melaksanakan program pembangunan perniagaan dan fasilitasi akses PMKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)

Aras 6, Blok B, Platinum Sentral
Jalan Stesen Sentral 2
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Tel : 603-9213 0077
Faks : 603-2775 6001
E-mel : info@smecorp.gov.my
Laman sesawang: www.smecorp.gov.my

Pengarah
Bahagian Komunikasi Korporat
(U.P. : Pn. Suraini Mohamad Sulaiman)
Tel : 03-2775 6290
E-mel : suraini@smecorp.gov.my